

**WASA'IL AL-ITHBAT DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN
ISLAM: PEMAKAIAN QARINAH DARI SUDUT KES-KES
KEKELUARGAAN DI MAHKAMAH SYARIAH**

***(WASA'IL AL-ITHBAT IN ISLAMIC EVIDENCE LAW: THE APPLICATION
OF QARINAH IN RELATION TO FAMILY CASES IN SYARIAH COURT)***

**¹AHNAF AHMAD, ²MUHAMAD HELMI MD. SAID & ²RAMALINGGAM
RAJAMANICKAM**

¹Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu,
Aras 5, Bangunan Mahkamah Syariah, Jln. Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

²Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600
UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: ahnaf@esyariah.gov.my

Phone Number: +6013-9986881

ABSTRAK

Qarinah telah menjadi salah satu kaedah pembuktian atau cara mensabitkan sesuatu dakwaan sebagaimana dalil-dalil pensyariaan yang disebut dalam Al-Quran, Sunnah dan Ijmak. Oleh kerana kaedah-kaedah lain seperti iqrar, syahadah atau al-yamin sukar diguna pakai atau tidak bersesuaian untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian antara pihak-pihak di mahkamah, apatah pula berlaku perkembangan sosial serta kepentingan umum, kepentingan qarinah telah diterima secara meluas pada masa kini. Di Malaysia, qarinah mula diperkenalkan secara bertulis dalam undang-undang keterangan Islam dan terpakai di Mahkamah Syariah. Melalui proses penggubalan yang lebih baik dan komprehensif, tiap-tiap negeri telah meluluskan pewartaan undang-undang berhubungannya. Namun begitu, konsep qarinah yang termaktub di dalam peruntukan undang-undang adalah pengubahsuaian daripada undang-undang barat iaitu Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan tidaklah sama dengan konsep qarinah menurut undang-undang keterangan Islam. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menilai konsep qarinah dari sudut undang-undang keterangan Islam meliputi definisi qarinah menurut pandangan para ulama fiqh, dalil-dalil penerimaan qarinah dan pemakaian qarinah di Mahkamah Syariah. Bagi tujuan itu, artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berpandukan kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen primer dan sekunder seperti kitab-kitab karangan para ulama fiqh, statut, kes-kes di Mahkamah Syariah serta penulisan-penulisan akademik. Artikel ini mendapati bahawa konsep qarinah dari sudut undang-undang keterangan Islam telah diterima pakai secara baik. Namun begitu, konteks perlaksanaan qarinah dari sudut undang-undang masih belum diperluaskan di negara ini. Hal ini penting untuk diteliti agar konsep qarinah boleh digunakan secara betul dan berkesan sekaligus membantu pengamal undang-undang dan hakim-hakim di Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes-kes kekeluargaan.

Kata Kunci: qarinah, kaedah-kaedah pembuktian, penyelesaian kes-kes kekeluargaan, undang-undang keterangan Islam, Akta Keterangan Mahkamah Syariah

ABSTRACT

Qarinah has become one of the sources of proof of any fact or a way of convicting an allegation as provided in the Qur'an, Sunnah and Ijmak. Other sources such as iqrar, syahadah or al-yamin are difficult to be use or are not compatible to resolve disputes between parties in court, and considering to social developments and public interest, the importance of qarinah has been widely accepted nowadays. In Malaysia, qarinah was first introduced in writing

under Islamic evidence law and applicable before the Syariah Court. Through an improved and comprehensive drafting process, each state has approved the gazetting of laws in relation to it. Nevertheless, the concept of *qarinah* enshrined in the provisions of law is a modification from the western law which is of the Evidence Act 1950 (Act 56) and is not the same as the concept of *qarinah* according to Islamic evidence law. Accordingly, this article aims to evaluate the concept of *qarinah* from the point of Islamic evidence law's view, including the definition of *qarinah* according to fiqh scholars, the acceptance of *qarinah* and the application of *qarinah*. To that end, this article uses a qualitative approach guided by a literature review by analysing primary and secondary documents such as books written by scholars of fiqh, statutes, Syariah Court cases as well as academic writings. This article finds that the concept of *qarinah* from the point of Islamic evidence law's view has been well adopted. However, the context of its implementation in term of provision has not yet expanded in this country. This is important to be elaborate so that the concept of *qarinah* can be used correctly and effectively as to help legal practitioners and judges in the Syariah Courts in resolving family cases.

Keywords: *qarinah*, sources of proof of any fact, family cases resolution, Islamic evidence law, Syariah Court Evidence Act

PENGENALAN

Penghakiman yang bermutu mengutamakan keadilan dari segala-galanya, disamping mengelakkan kezaliman dan memelihara kepentingan hak-hak individu dan masyarakat. Bagaimanakah sesuatu proses kehakiman itu memperolehi keadilan sangat berkait rapat dengan pembuktian. Pembuktian pula tidak dapat dikemukakan tanpa kaedah-kaedah tertentu. Syariat memperakui kaedah-kaedah pembuktian ini dan memberi seseorang hakim itu peluang untuk memilih mana-mana kaedah yang wajar untuk berhujah sebelum memutuskan keputusan atau menjatuhkan hukuman. Kaedah-kaedah tersebut, atau disebut dalam Bahasa Arab sebagai *wasal al-Isbat*, adalah merupakan keterangan. Ia menjadi wasilah kepada sesuatu tuntutan atau pendakwaan seterusnya memberi implikasi kepada bentuk keputusan atau hukuman yang boleh dikenakan kepada pihak-pihak. Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Hadid, ayat 25 merekodkan:

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan.

Keterangan yang dimaksudkan itu adalah pelbagai meliputi *iqrar* (pengakuan), *syahadah* (kesaksian), *qara'in* (*qarinah-qarinah*), *al-yamin* (sumpah), *ilm al-qadhi* (pengetahuan hakim), *ra'yu al-khabir* (pendapat pakar) dan lain-lain. Setiap kaedah pembuktian tersebut mempunyai kuantum pembuktian yang berlainan. Ada kaedah mempunyai kekuatan yang cukup sebagai suatu bukti, dan ada kaedah yang tidak mempunyai kekuatan yang cukup sebagai bukti. Bahkan ada kaedah yang boleh berdiri sendiri sebagai satu bukti tanpa memerlukan kaedah yang lain sebagai sokongan, dan ada kaedah yang memerlukan kaedah yang lain sebagai sokongan. Bukti yang kuat akan diterima manakala bukti yang tidak kuat akan ditolak. Disebabkan itu keterangan memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu hakim menyeimbangkan mana-mana kaedah-kaedah demikian.

Qarinah merupakan salah satu keterangan yang boleh digunakan di Mahkamah Syariah untuk membuktikan sesuatu kes. Walaupun para ulama fiqh kebanyakannya menerima *syahadah* sebagai kaedah pembuktian terkuat selepas *iqrar* (Mahmud Saedon, 1990), namun dari sudut

syarak, pemakaian *qarinah* juga telah diberi tempat bagi membolehkannya diberi keutamaan dari sudut kebolehterimaan dengan bersandarkan dalil-dalil seperti nas al-Quran, hadis Rasulullah s.a.w. serta *athar* sahabat dan *'aqli*. Sejarah lampau Islam menceritakan pelbagai kisah pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang menerima pakai *qarinah* sebagai penentu jawapan kepada persoalan atau permasalahan yang timbul. Kaedah *qarinah* ini terbuka bagi kes-kes yang dihukum *takzir*. Walaupun begitu, *qarinah* sebegini turut diterima pakai dalam kes-kes *hudud* dan *qisas*. Terdapat jumhur fuqaha mengenakan pembuktian yang lebih ketat dalam pensabitan hukuman *hudud* dan *qisas* berdasarkan *qarinah* sedemikian. Ahmad Fathi al-Bahnasi berpendapat *hudud* dan *qisas* boleh disabitkan melalui kedua-dua *iqrar* dan *shahadah* yang dikuatkan dengan *qarinah* (Ahmad Fathi al-Bahnasi, 1989). Ada antara ulama seperti Ibn Qayyim yang berpandangan bahawa *qarinah* boleh dijadikan asas pensabitan *hudud* dan *qisas* walaupun tiada *iqrar* dan *shahadah*. Malah *qarinah* turut berperanan untuk membantu mahkamah mensabitkan hukuman *takzir* dalam kes-kes pendakwaan *hudud* dan *qisas* (Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman & Ramalinggam Rajamanickam, 2015). Oleh itu, *qarinah* tidaklah diterima pakai secara sempit tetapi agak meluas dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan tertentu yang dibenarkan oleh Syarak.

Di Mahkamah Syariah, kepentingan *qarinah* tidaklah 100% terpakai, memandangkan kekuatan kaedah pembuktian yang lebih tradisi seperti *iqrar* atau *syahadah* adalah lebih tinggi. Berdasarkan penghakiman kes-kes kekeluargaan yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah, kebanyakan hakim-hakim lebih mengutamakan *iqrar* atau *syahadah* sebagai asas penghakiman. *Qarinah* yang diterimapakai pula mengambil kira ekshibit-ekshibit sebagai keterangan sokongan. Sungguhpun begitu, ketakhadiran *qarinah* di dalam sesuatu keadaan tertentu barangkali boleh mencacatkan dan melemahkan sesuatu kes. Dan dalam keadaan yang lain, *qarinah* boleh menjadi lebih kuat berbanding *iqrar* dan *syahadah*. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1989), penghakiman yang menerima pakai *qarinah* sebagai satu asas merupakan satu sumber hukum syarak sama ada ketika itu ada keterangan atau pengakuan atau dalam hal keadaan tidak ada apa-apa bukti lain. Lantaran itu, *qarinah* boleh menjadi alat yang kuat dalam membuktikan kes-kes mal dan kes-kes kesalahan jenayah syariah yang dihukum *takzir*.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis konsep pemakaian *qarinah* dalam kes-kes kekeluargaan yang diselesaikan di Mahkamah Syariah di negara ini. Apabila membincangkan *qarinah*, maka penilaian terhadap undang-undang keterangan Islam hendaklah dibincangkan bersama atas sebab perhubungan antara kedua-duanya yang berkait rapat. Tatkala itu, ia dapat menerangkan lebih baik berhubung tafsiran *qarinah* dari sudut undang-undang.

Artikel ini menggunakan pendekatan berasaskan perundangan tulen yang bersifat kualitatif dengan mengambil kira kaedah penganalisan data secara analisis kandungan dan kritis terhadap kitab-kitab *turath*, buku, peruntukan undang-undang, tesis dan artikel. Rujukan juga dibuat terhadap penghakiman kes-kes yang bertujuan untuk mengenal pasti standard pemakaian *qarinah* di Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan hal-hal kekeluargaan.

Kaedah Pembuktian di sisi Undang-Undang Keterangan Islam

Undang-undang keterangan meliputi cara-cara mengemukakan sesuatu keterangan. Ilmu yang cetek berhubung dengannya boleh mengakibatkan timbulnya ketidakadilan dalam proses penghakiman. Keterangan dikenali dengan istilah *al-bayyinah* di sisi undang-undang keterangan Islam. Menurut hukum syarak, keterangan menjadi sah setelah ada tuntutan atau pendakwaan (Siti Zalikhah, 2006). Di dalam kes mal, keterangan ini menjadi hujah-hujah oleh pihak yang menuntut atau pihak kena tuntutan semasa prosiding perbicaraan. Ia juga menjadi hujah-hujah oleh pihak pendakwaan atau pihak lawan di dalam kes-kes jenayah syariah. Hakim terikat dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya sebagai pembuktian. Berikutan itu, hakim tidak boleh memutuskan sesuatu keputusan atau hukuman kecuali apa yang zahir yang diangkat di hadapannya (Alauddin Ali, t.t). Hak-hak pihak-pihak akan ditentukan dengan apa jua kekuatan hujah-hujah berkenaan. Di sini juga dapat menentukan beban pembuktian terletak pada siapa, sama ada ke atas pihak yang menuntut atau pihak kena tuntutan dan pihak pendakwaan atau pihak lawan. Prinsip ini telah menjadi kaedah asas dalam penghakiman, yang mana telah ditetapkan oleh kaedah fiqh, iaitu “*Mereka yang mendakwa hendaklah mendatangkan keterangan dan sumpah adalah ke atas mereka yang engkar*” (Mustafa Ahmad Zarqa’, 1989).

Tugas seorang hakim adalah berat kerana memerlukan dia meneliti keterangan yang benar semasa mengendalikan kes. Keterangan pula hendaklah dikemukakan secara jelas dan mengambil kira semua giliran penghujahan kedua-dua pihak. Hak mereka yang berhak tidak dapat dikembalikan jika hakim bersifat berat sebelah. Hadis berkenaan perkara ini telah dicatat seperti berikut:

Saidina Ali berkata, Rasulullah s.a.w. telah mengutus aku ke Yaman untuk menjadi kadi. Aku pun berkata kepada Rasulullah, “Wahai Rasulullah, tuan mengutusku sedangkan aku masih muda dan tidak mengetahui tentang kehakiman?”. Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya Allah akan memberikan petunjuk-Nya kepada hati engkau dan menetapkan lidahmu. Jika datang dua orang bertikai duduk di hadapanmu, maka janganlah engkau menjatuhkan hukuman sehingga engkau mendengar (keterangan) pihak kedua seperti engkau mendengar pihak pertama, kerana itulah yang lebih baik layak dilakukan agar jelas bagimu untuk menjatuhkan hukuman”. Saidina Ali berkata, sejak itu aku tidak berasa sangsi dalam menjatuhkan hukuman.

Sebagaimana Penyelidik sebutkan sebelum ini, bentuk keterangan adalah banyak di dalam undang-undang keterangan Islam. Terdapat keterangan yang diterima oleh para ulama fiqh sebagai kaedah pembuktian dan terdapat juga beberapa keterangan lain yang tidak diterima. Antaranya *iqrar*, *syahadah*, *qara'in* (*qarinah-qarinah*), *khobar* (perkhabaran), *al-yamin*, *ra'yu al-khabir*, *qiyafah* (kemahiran mengecam keturunan), *al-kitabah* (dokumen), *ilm al-qadi*, *qasamah* (sumpah dalam kes pembunuhan), *lian* (penafian anak) dan *al-qur'ah* (undian) (Abdul Karim Zaidan. 1997). Semua kaedah pembuktian ini mempunyai konsep mereka yang tersendiri. Namun begitu, ia boleh terpakai dalam membuktikan kes secara berasingan dan boleh juga secara bersama sebagai sokongan mengikut kesesuaian kes.

Qarinah di sisi Syarak: Definisi dan Dalil Pensyariatan

Perbincangan mengenai definisi *qarinah* telah diterangkan mengikut mazhab-mazhab fiqh yang empat. Jika ditinjau dari penulisan kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama fiqh, mereka telah membahaskan definisi *qarinah* secara terperinci dan khusus. Definisi tersebut juga telah dilakukan dengan melihat dari sudut bahasa dan istilah.

Dari sudut bahasa, Wahbah al-Zuhaili (1985) mendefinisikan *qarinah* dengan merujuk istilah *qarinah* yang diberikan oleh al-Jurjani sebagaimana yang terkandung di dalam kitab Al-Ta'rifat, sebagai alamat-alamat yang menunjukkan sesuatu yang dikehendaki. Pengertian ini menggambarkan *qarinah* sebagai 'alamat (alamat), isim jamaknya al-'alamat (alamat-alamat). Mafhumnya, alamat-alamat inilah yang menghubungkan sesuatu yang lain dan membawa sesuatu petunjuk.

Dari sudut istilah, Mustafa Ahmad al-Zarqa (1968) mendefinisikan *qarinah* sebagai setiap *al-amarat* (tanda) zahir yang mempunyai hubungan dengan sesuatu fakta yang terselindung sekali gus menunjukkan (sesuatu hujah) ke atasnya. *Qarinah* mempunyai hubungan dengan sesuatu yang lain atau dengan sesuatu keadaan zahir yang tidak bercanggah dengan pembuktian yang lain (Abdullah bin Sulaiman bin Muhammad Ajlani, 2006). Abdul Karim Zaidan (1997) merujuk *qarinah* sebagai tanda-tanda dan alamat-alamat yang menunjukkan wujudnya sesuatu atau menafikan (wujudnya) sesuatu isu atau fakta. Ahmad Fathi al-Bahnasi (1989) pula mengaitkan *qarinah* dengan satu penghubung penting antara kebenaran sesuatu kejadian atau hasil yang membolehkan hakim membuat kesimpulan daripada hakikat sebenar sesuatu kejadian. Manakala Sayyid Sabiq (1983) mendefinisikannya sebagai tanda yang sampai ke peringkat yakin dan hakim menerimanya apabila dia mempunyai kepastian bahawa ia cukup meyakinkan. Tafsiran-tafsiran ini telah mengambil kira apa-apa keterangan yang mempunyai hubungan dengan sesuatu isu atau fakta yang dipertikaikan atau fakta lain yang tidak zahir sebagai *qarinah*. Jika diteliti, para ulama fiqh telah menyamakan *qarinah-qarinah* ini dengan perkataan seperti *al-amarah* (tanda-tanda) dan *al-alamat* (alamat-alamat).

Pensyariatan *qarinah* terbukti diterima berdasarkan dalil-dalil seperti nas al-Quran terutamanya kisah masyhur Nabi Yusuf a.s dimakan serigala yang tertulis "*Mereka datang membawa baju (yang berlumuran darah) dengan darah palsu...*", dan kisah baju Nabi Yusuf a.s. yang dikoyakkan oleh Zulaikha dari belakang (Al-Quran, Yusuf (12): 18 & 27). Selain itu, kisah-kisah yang disebut pada zaman Rasulullah s.a.w dan *athar* sahabat, seperti darah pada pedang (kes bunuh Abu Jahal), bau mulut peminum arak atau muntah arak, anak dara hamil tanpa suami, Saidina Ali r.a mencurahkan air panas ke atas kesan telur putih yang disangka air mani di atas pakaian wanita yang mendakwa dia dirogol, kesemuanya berkisar tentang pembuktian *qarinah*.

Ibnu Qayyim dan Ibn Farhun menerima *qarinah* sebagai salah satu pembuktian semasa penghakiman dalam kes-kes perempuan tidak bersuami mengandung, bau mulut peminum arak dan barang dicuri berada dalam tangan seseorang (Wahbah al-Zuhaili, 1985). Sungguhpun begitu, masih terdapat sebahagian para fuqaha dalam mazhab-mazhab lain yang masih menetapkan hukum-hukum berlandaskan *qarinah*, seperti dalam kes sah jual beli dengan melihat kepada *qarinah* persetujuan kedua-dua pembeli dan penjual. Oleh sebab kaedah utama pembuktian sukar digunakan dalam sabitan hukuman, apatah lagi berlaku perubahan zaman dan keadaan,

kepentingan *qarinah* telah diterima secara meluas pada masa ini. Tokoh-tokoh seperti Izzuddin ibn Abi Salam dan Ibn Taimiyyah berjaya mengemukakan dalil yang kuat berhubungan dengan kesahan *qarinah* sebagai kaedah pembuktian yang tidak perlu dipertikaikan (Zulfakar Ramlee, 2007). Oleh itu, *qarinah* tidak boleh dipandang remeh sehingga diabaikan lantaran kepentingannya boleh menjadi asas yang sangat penting oleh hakim-hakim ketika memberi penghakiman.

***Qarinah* dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]**

Di Malaysia, undang-undang keterangan Islam yang dikanunkan dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah di Malaysia dinamakan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] atau mengikut mana-mana enakmen di tiap-tiap negeri. Seseorang yang ingin mengemukakan keterangan di Mahkamah Syariah mestilah menggunakan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta ini atau enakmen di tiap-tiap negeri. Sekiranya keterangan mencukupi, mahkamah akan memperoleh hasil dapatan yang memihak kepada mereka yang lebih berhak. Dengan adanya undang-undang yang berkaitan keterangan, Mahkamah Syariah di negara ini boleh dikatakan telah diberi panduan yang spesifik berhubungan dengannya.

Mengikut peruntukan di bawah Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen di negeri-negeri, *qarinah* telah ditafsirkan di bawah seksyen 3 yang dibaca seperti berikut:

“*qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Akta ini.

Kemudian dalam seksyen yang sama, *qarinah* telah dimasukkan dalam kategori *bayyinah* (keterangan) yang dibaca seperti berikut:

“*bayyinah*” ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.

Jika diteliti, tafsiran *qarinah* di bawah seksyen 3 di atas tidak mengasingkan *qarinah*, *bayyinah* dan keterangan sedangkan hukum fiqah telah membezakan di antara *qarinah* dan *bayyinah*, serta menyamakan *bayyinah* dan keterangan. Dari sudut undang-undang itu sendiri, konsep *qarinah* telah diperuntukkan dengan tidak jelas.

Pemakaian *Qarinah* di Mahkamah Syariah: Analisis Kes-kes

Semasa membandingkan konsep *qarinah* di dalam kes-kes mal dan kes jenayah syariah yang diputuskan di Mahkamah Syariah, terdapat jurang perbezaan berlaku dari segi kepraktisannya. Dalam penghakiman kes, persoalan *qarinah* tidak dibangkit dan diperdebatkan sehingga ke tahap maksima yang memerlukan pembuktian yang ketat, kerana kaedah lain seperti *iqrar* dan *syahadah* lebih diutamakan.

Melihat kepada contoh kes penafian nasab *Eddyham bin Zainuddin lwn Rahimah bt. Muhamad* [2015] JH Jld 40 Bhg 2 238, Perayu berkata wujud *qarinah-qarinah* yang menyokong bahawa anak kedua beliau adalah anak seorang yang lain dan timbul keraguan tentang benih sehingga anak kedua lahir. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak Laporan Bertulis Pakar Kimia apabila pakar kimia tidak dipanggil memberi keterangan di bawah Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, untuk mensabitkan bahawa anak kedua Perayu dan Responden bukan anak Perayu, atas faktor ketepatan ujian DNA yang dikemukakan adalah 90% tidak mencukupi 100% berbeza di antara ketepatan dan keyakinan. Semasa rayuan, Mahkamah Rayuan Syariah juga menolak keterangan DNA dan berpendapat keputusan analisis DNA hanya boleh diguna dalam kes sabitan nasab, bukan kaedah menafikan nasab. Mahkamah Rayuan Syariah merujuk surah an-Nur ayat 6-9, pandangan Imam Khatib al-Syarbini dalam *Mughniy Muhtaj*, Jilid 3, hlm 373-374 dan Seksyen 111 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, dan berpendapat hanya ada satu cara atau kaedah digunakan dalam kes penafian nasab, iaitu kaedah *li'an*. **Cara lain tidak diiktiraf Hukum Syarak.** Mahkamah Rayuan Syariah berpendapat laporan DNA hanya boleh digunapakai sebagai menguatkan keyakinan Perayu untuk melakukan *qazaf* atau *berli'an*.

Manakala dalam satu kes semakan *Azman bin Johari lwn Hazirah binti Mohamed*, Kes Mal No.: 11200-003-0278-2016 (Kes tidak dilaporkan), bertarikh 21 Disember 2016, Pemohon meragui status anak yang dilahirkan Responden bukan dari hubungan kelamin dengannya. Atas permohonan Pemohon, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah memerintahkan Pemohon dan anak yang dilahirkan melakukan ujian paterniti DNA dari specimen darah. Keputusan analisis DNA mengesahkan Pemohon bukan bapa kepada anak tersebut. Hakim Kamalruazmi bin Ismail mengiktiraf ujian DNA sebagai kaedah pembuktian secara *qarinah* yang dibenarkan syarak dengan ketepatan 99.999%.

Adapun konsep *qarinah* amatlah terhad dibincangkan di dalam kes jenayah syariah. Dalam kes *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Fatimah* [1987] JH V Bhg II 321, tertuduh tidak mengaku bersalah selepas dipertuduhkan atas kesalahan melakukan zina. Walau bagaimanapun, Mahkamah telah mensabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh dengan melihat tiga fakta, seperti fakta pengakuan tertuduh melahirkan anak tanpa adanya akad nikah; fakta tertuduh mengandung dan melahirkan anak sebagai bukti berlakunya persetubuhan dengan seorang lelaki; dan fakta persetubuhan yang dilakukan tanpa akad nikah sebagai zina. Dalam kes ini, aspek keterangan telah jelas melibatkan fakta-fakta persoalan, iaitu sama ada tertuduh melakukan zina atau tidak. Fakta-fakta persoalan tersebut kemudiannya telah dibuktikan dengan fakta berkaitan sebagaimana tiga fakta di atas itu. Fakta berkaitan itu sebenarnya adalah *qarinah* dan telah menjadi asas kepada penghakiman.

Dalam kes yang melibatkan kesalahan meminum minuman yang memabukkan, iaitu kes *Pendakwa Syarie Kelantan lwn Yusundy bin Josan & Seorang Lagi* [1994] JH Jld IX Bhg II 206, Mahkamah mengukuhkan pembuktian *shahadah* pihak pendakwaan dengan menerima barang-barang kes yang diekshibitkan, iaitu dua botol arak jenis Carlsberg, gelas yang dipegang dan satu resit bayaran sehingga menjadi pembuktian bersandarkan keadaan (*circumstantial proof*) bahawa tertuduh meminum arak tersebut. Antara aspek penting dikenal pasti dalam kes ini ialah dua botol tersebut dan resit bayaran telah diambil daripada milikan tertuduh, serta tertuduh menggunakan gelas berisi arak.

Dalam kes *Pendakwa Syarie Pahang lwn V.V. Aboo* [2004] CLJ (Sya) 518, tertuduh dituduh atas kesalahan tidak patuh kepada titah perintah Sultan Pahang setelah melawat tempat perjudian di Genting Highlands berdasarkan seksyen 169 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Melayu Pahang (Pindaan 1987). Ketika tangkapan, tertuduh bersama-sama dua rakan telah berada di dalam kasino dengan memakai baju batik yang menjadi syarat untuk masuk ke kasino. Dua bentuk *qarinah* yang diambil kira oleh hakim ialah tempat kesalahan (di dalam kasino) dan baju batik. Walaupun tertuduh tidak mengaku bersalah, namun terdapat elemen *mens rea* apabila dua bentuk *qarinah* tersebut telah menjadi kesimpulan bukti bahawa tertuduh mempunyai niat untuk masuk ke kasino.

Dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli Abdul Japar* [2007] 1 CLJ (Sya) 496, analisis DNA telah dilakukan kerana wujud dua fakta bahawa anak dilahirkan tanpa ada suami, dan Cik Murni (ibu kepada anak luar nikah) mengenali tertuduh. Spesimen darah diambil daripada tiga orang penyumbang iaitu Hasmawi Abdullah, Cik Murni dan tertuduh. Ujian DNA menunjukkan bahawa tertuduh merupakan bapa kepada anak tersebut. Menurut penghakiman Jasri Nasip Matjakir, wujud *qarinah* yang kuat tentang hubungan antara tertuduh dengan Cik Murni sehingga membawa pertemuan yang berakhir dengan persetubuhan haram dan kelahiran anak luar nikah. Malah, ujian DNA telah membuktikan hubungan darah antara anak yang dikandung dengan tertuduh. Mahkamah menerima keterangan pakar DNA berdasarkan seksyen 86 (1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 dan seksyen 190 (1)(2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1993 dan membuat sabitan terhadap tertuduh di bawah seksyen 80 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah (Negeri Sabah) 1995 dengan hukuman denda RM3,000 dan dikenakan hukuman pemenjaraan selama 6 bulan sekiranya gagal membayar denda. Sungguhpun pemakaian keterangan DNA dalam kes *Rosli Abdul Japar* lebih ke arah ujian kebapaan (paternity) seperti yang digunakan dalam kes mal, namun mahkamah masih menerimanya sebagai asas penghakiman dan telah membuat kesimpulan berdasarkan hasil ujian DNA tersebut bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah, sekali gus membuktikan perlakuan tertuduh melakukan persetubuhan haram.

Daripada kes-kes di atas ini, konsep *qarinah* ini sememangnya tidak dinafikan dapat memberikan manfaat dan bertindak sebagai salah satu kunci kepada kata pemutus dalam penghakiman. Dengan meninggalkan *qarinah* akan mengundang banyak ketidakadilan dan membawa tohmahan terhadap ketidaksesuaian sistem kehakiman Islam oleh sebab *qarinah* itu sendiri mempunyai ciri-ciri pemakaian yang berbeza berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain, seperti *iqrar* dan *shahadah*. Pemutusan sesuatu kes mal dan sabitan jenayah syariah bergantung pula pada hakim untuk menilai keseluruhan kes.

KESIMPULAN

Tidak dipertikaikan bahawa pemakaian prinsip *qarinah* sudah lama terbina di Malaysia yang mengharuskan pembuktian di dalam mana-mana kes. Kes-kes yang dilaporkan mahupun tidak dilaporkan, tidak kiralah kes mal mahupun kes jenayah Syariah, menyentuh prinsip pemakaian *qarinah* dengan menentukan keterangan yang boleh dikemukakan di hadapan hakim. Mengabaikan *qarinah* di dalam pembuktian kes boleh menyempitkan kehebatan undang-undang keterangan Islam untuk digunapakai dalam perundangan di Mahkamah Syariah.

Dari sudut konsep *qarinah*, ia telah diperbahaskan oleh para ulama fiqah secara baik. Sekiranya diperhatikan pada kajian-kajian para ulama fiqah di dalam kitab-kitab mereka, mereka berselisih pendapat ketika membincangkan perkara ini, dan pelbagai dalil yang telah dijadikan sandaran sehingga menghasilkan hukum yang berbeza. Ia menjadi lebih rumit apabila hukum tersebut *ditaqninkan* sebagai undang-undang sebagaimana diperuntukkan di dalam akta dan enakmen negeri-negeri. Apatah lagi undang-undang tersebut, yang telahpun disesuaikan dengan kehendak syarak, pada asalnya diharmonisasikan mengikut falsafah dan konsep undang-undang barat iaitu berpandukan Akta Keterangan 1950 (Akta 56). Oleh itu, fungsinya juga dibuat dengan mengambil intipati-intipati yang berdasarkan akta berkenaan. Natijahnya menyebabkan wujudnya peruntukan yang sedikit bercelaru seterusnya boleh menimbulkan pemahaman yang berbeza berkaitan *qarinah*. Apabila konsep *qarinah* tidak jelas, maka bentuk-bentuk pemakaian *qarinah* juga menjadi tidak jelas malah tidak menentu dan tidak tetap.

Secara amnya, pemakaian *qarinah* amatlah berguna dan telah berlaku di Mahkamah Syariah dalam banyak kes. Pun begitu, pemakaian *qarinah* sedikit terhad walaupun pada asasnya akta atau enakmen di negeri-negeri telah lama dan banyak sekali memperuntukkan tentang kebolehterimaannya. Bagi memartabatkan institusi kehakiman Syariah di negara ini, amatlah penting untuk memahami kepentingan pemakaian *qarinah* secara optima. Jika tidak, kaedah pembuktian tidak dapat terpakai secara meluas dan terikat dengan pemakaian dalam kesesuaian kes tertentu sahaja.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Karim Zaidan. 1997. *Nizam al-qadha' fil al-Syariah al-Islamiyyah*. Cet. 3. Beirut: Risalah Publisher.
- Abdullah bin Sulaiman bin Muhammad Ajlani. 2006. *Al-Qadha' bil Qara'in al-Mua'sirah*. Juz 1. Maktabah Al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman, Ramalinggam Rajamanickam. 2015. "Admissibility of DNA Evidence in Malaysian Syariah Court: Setting the Right Course". Dlm. *Shariah Reports: A Journal on Islamic Law, Banking and Finance*. CLJ 1 SHR.
- Ahmad Fathi al-Bahnasi. 1989. *Nazariyyah al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina'ie al-Islamiy*. Juz 5. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Saad Ali. 1952. *Sunan Abu Daud*. Jilid 2. Cet. 1. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Alauddin Ali bin Khalil al-Tarabulsi al-Hanafii, Mu'in al-Hukkam.
- Ibn Qayyim Al-Jauziah. n.d. *al-Thuruq al-Hukmiyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Juz 1. Dar al-Ilmi al-Fawaid.
- Mahmud Saedon A. Othman. 1990. *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mustafa Ahmad Al-Zarqa. 1968. *Al-Madkhal al-Fiqh al-Umm*. Juz 2. Cetakan 10. Damsyik. Syria: Matba'ah Turbin.
- Siti Zalikhah Md. Nor, "Beberapa Aspek dalam Undang-Undang Keterangan Islam", dlm. Siti Zalikhah Md. Nor et al, *Al-Syariah Jilid 3: Undang-Undang Keterangan Islam*, DBP, Kuala Lumpur, 2006, hlm 7.
- Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, Jilid 3, Darul Fikr Liltoba'at wal Nasyar wal Tauziq, Beirut, 1983
- Wahbah al-Zuhaili. 1985. *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juz 6. Cet. 2. Damsyik. Syria: Dar al-Fikr.

Zulfakar Ramlee. 2007. “*Al-Qarinah: Pemakaiannya Dalam Litigasi Mal dan Jenayah*”. Dlm. Nasimah Hussin et al. (pnyt.). *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jilid 13. Cet. 1. Kuala Lumpur: DBP.